

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Dalam Negeri/Pg. 13
Date	Sat, 8th Oct 2016	Lead Article	No
Headline	Teraju Bantu Bumiputera Peluang Berniaga		

Teraju bantu bumiputera peluang berniaga

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**
rodelio.taucan@utusan.com.my

TAWAU 7 Okt. - Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) berjaya membantu usahawan bumiputera mencipta peluang perniagaan bernilai RM93.85 bilion dalam pelbagai sektor sejak penubuhan agensi itu pada tahun 2011.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, kejayaan tersebut dilaksanakan melalui 27 program di seluruh negara yang mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan, swasta dan syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC).

Beliau berkata, program Dana Mudahcara adalah antara yang paling berkesan apabila kerajaan menampung 15 peratus daripada keseluruhan kos perniagaan untuk memastikan usahawan bumiputera yang layak mampu kekal dan bersaing di pasaran.

"Melalui program Dana Mudahcara, suka saya maklumkan sejumlah RM2 bilion telah disediakan hasil kerjasama dengan pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan digerakkan melalui kerjasama dengan koridor-koridor ekonomi utama untuk merencanakan pelaburan swasta dalam ekonomi.

"Sehingga 31 Ogos lalu, sebanyak 432 projek telah diluluskan di bawah dana ini dengan nilai pelaburan swasta sebanyak RM12.59 bilion," katanya ketika berucap dalam

Program Turun Padang dan Penerangan Dana Mudahcara Teraju di Pusat SMR Akuakultur Sdn. Bhd. (SMR Akuakultur) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat negeri, Datuk Hamisah Samat; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Teraju, Datuk Husni Salleh dan CEO SMR Akuakultur, Datuk John Nip.

Abdul Rahman yang juga

Pengerusi Teraju berkata, sehingga tahun ini, sebanyak 1,014 syarikat usahawan bumiputera dibangunkan di bawah Teraju memabitkan jumlah keseluruhan dana RM3.045 bilion.

Katanya, bagi program Dana Mudahcara, sebanyak 384

buah syarikat telah menerima manfaat memabitkan dana bernilai RM1.51 bilion.

Sementara itu, beliau berkata, SMR Akuakultur adalah antara projek Dana Mudahcara yang berjaya iaitu bermula daripada pembukaan kolam penternakan udang sehingga berkembang kepada pembinaan resort pelancongan dan seterusnya pembukaan ladang solar.

"Projek ladang solar ini adalah satu inisiatif yang digerakkan oleh syarikat untuk mempromosikan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sehingga menjadi punca pemanasan global," katanya.



ABDUL RAHMAN DAHLAN